

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Dato' Abdul Manan Bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan **FELDA Wellness Corporation Sdn. Bhd. (FWC)** supaya Kerajaan menubuhkan **Farmanas Berhad** dengan suntikan dana **RM1 bilion** yang akan berperanan sebagai gerbang pengkomersilan ekonomi global dan perolehan ketiga negara iaitu biodiversiti negara selepas petroleum dan kelapa sawit.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

FELDA Wellness Corporation Sdn. Bhd. (FWC) telah ditubuhkan pada 13 Julai 2013 dengan matlamat untuk menjana sumber pendapatan alternatif baru kepada FELDA yang buat masa ini sebahagian besar perniagaannya bergantung kepada pengeluaran minyak kelapa sawit.

FWC adalah syarikat milik penuh FELDA yang merupakan sebahagian daripada inisiatif berikutan (*spin-off*) dari Agenda Transformasi FELDA dalam memastikan kemampanan (*sustainability*) organisasi FELDA supaya terus berdaya saing di masa hadapan.

Aktiviti FWC adalah untuk menjalankan penyelidikan, membangun, mengeluarkan dan mengkomersilkan produk dan perkhidmatan kesihatan bersumberkan tumbuh-tumbuhan dan bahan semulajadi dengan menggunakan platform teknologi tinggi dan berinovasi.

Ia juga adalah selaras dengan inisiatif kerajaan untuk memacu Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara (NKEA) menerusi sektor pertanian dan kesihatan di bawah NKEA ke 11 (Pertanian) dan NKEA ke 12 (Penjagaan Kesihatan). Malahan FWC juga adalah syarikat peneraju yang diiktiraf bagi Bio-Economic Transformation Programme (BTP) yang dipelopori oleh Malaysia Biotechcorp.

Justeru, FWC berpendapat bahawa cadangan penubuhan Farmasi Nasional (FARMANAS) ini adalah sebagai platform bagi menambah nilai dan membangunkan lagi sumber Bio Malaysia ke tahap yang lebih tinggi dan menguntungkan Negara.

Buat masa ini, penubuhan FARMANAS masih diperingkat penyelidikan dan penyediaan kertas cadangan yang memerlukan kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak yang berkaitan seperti MOSTI dan Malaysia Biotechcorp sebelum dikemukakan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (*National Economic Council*).

Dengan cadangan penubuhan FARMANAS ini, adalah diyakini bahawa ianya juga boleh membantu memastikan perlindungan yang sepatutnya dapat dilakukan ke atas penghasilan inovasi *bio-drug development* tempatan melalui pemeliharaan hakcipta dengan Harta Intelek Nasional (MyIPO). Ini secara tidak langsung dapat membantu memajukan, mempelopori dan menambah nilai sumber bio-diversiti negara dalam usaha untuk mengkomersialkan platform tersebut.

FARMANAS yang dicadangkan ini berperanan sebagai gerbang pengkomersilan ekonomi global dan menyumbang kepada perolehan alternatif negara iaitu biodiversiti negara. Penubuhan FARMANAS sudah semestinya memerlukan suntikan dana yang besar yang boleh mencecah sehingga RM1 bilion untuk jangka masa pembangunan yang dianggarkan selama 5 tahun yang turut merangkumi pembangunan infrastruktur, penyelidikan dan kajian klinikal, kawal selia, *global agents and distributors*, promosi produk dan kolaborasi dengan syarikat-syarikat antarabangsa.

Namun begitu ia bergantung kepada keputusan yang bakal dibuat kepada cadangan yang dikemukakan dalam merealisasikan matlamat FARMANAS ini.

Sekian. Terima kasih.